



## FKEE anjur Celik Elektronik dedah bidang robotik untuk pelajar sekolah

Menyedari kepentingan bidang industri elektrik dan elektronik dalam menyumbang kepada pembangunan negara, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) telah menganjurkan program Celik Elektronik di kalangan 80 pelajar sekolah tingkatan empat dan lima melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shahbandar (SMKIS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Nenas (SMKN) dalam bidang robotik.

Program ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Saffad) yang bertujuan menarik minat pelajar untuk memahami dan mengorak langkah dalam bidang robotik agar seiring dengan teknologi serta memenuhi keperluan kehidupan pada masa ini.

Menurut Pegawai Latihan Vokasional, Nasrul Salim Pakheri merangkap Pengarah Program berkata, dengan mempelajari teknologi robotik ini pelajar menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan idea sendiri.

"Pelajar didedahkan dengan program teori litar, aplikasi litar dan komponen serta pembangunan 'mini projek' dan aplikasi.

"Pendedahan ini berjaya dimanfaatkan pelajar dalam memahami sistem elektrik, elektronik, mekanikal mudah dan kawalan terutamanya melibatkan mekatronik dan robotik," katanya.

Sementara itu, pengetua sekolah SMKIS, Hajah Umi Kalsom Abd Aziz berkata, penglibatan dalam teknologi robotik dalam kurikulum sekolah memerlukan peruntukan yang besar.

Namun, katanya, penganjuran program dengan kerjasama yang melibatkan pakar yang berpengalaman dari UMP ini dapat memberi peluang pelajar meminati dan terus mendalami bidang teknologi robotik.

"Pelajar juga dapat memahami kepentingan subjek Matematik, Fizik dan Kimia dalam menyelesaikan masalah dan mendalami aspek lain termasuk kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan mudah.

"Pendedahan awal sebegini akan memberikan suntikan semangat kepada pelajar untuk mengenali lebih dekat teknologi robotik yang selama ini dipelopori bangsa lain contohnya masyarakat Jepun," katanya.

Pelajar sekolah Mohd Rifaie Zuhairi, 16 mengatakan beliau gembira dapat mempelajari ilmu elektronik khususnya dalam bidang robotik kerana selama ini tidak pernah mencubanya dari dekat.

"Kebiasaan teknologi ini hanya boleh diperoleh di universiti, kilang-kilang serta hanya dilihat di kaca televisyen sahaja tetapi dengan adanya program seperti ini dapat membantu beliau dan rakan-rakan yang lain menghasilkan sesuatu benda dibuat hasil titik peluh kami sendiri," jelas beliau.

Bagi Ku Azarina Jamal Akhshah, 16 mengaku sangat berminat untuk mendalami bidang robotik ini dan merupakan pengalaman baharu bagi dirinya.

"Ternyata apa yang saya pelajari ini membuktikan teknologi robotik dapat memberi kemudahan, kesenangan dan membantu dalam kehidupan seharian kita," katanya.

Hadir pada majlis penutupan ini adalah Pengerusi Persatuan EEES, Muhammad Sufyan Abd Kadir, Penyelaras program, Zailini Mohd. Ali termasuk pensyarah dan Pegawai Latihan Vokasional FKEE sebagai fasilitator program.